

## **Disney Breakfast Besties Pop Up Pertama di Malaysia di Resorts World Genting**

**Genting Highlands, 22 Mei 2026** – Resorts World Genting (RWG) bakal membawakan pengalaman “sarapan” yang tidak pernah dirasai sebelum ini. Dari 22 Mei hingga 28 Jun 2026, kawasan tanah tinggi ini akan bertukar menjadi dunia bertemakan sarapan yang penuh keceriaan menerusi Disney Breakfast Besties Pop Up pertama di Malaysia, yang menggabungkan plushie berinspirasi Disney, budaya sarapan tempatan dan keseronokan keluarga dalam satu destinasi yang menarik.

Disney Breakfast Besties merupakan koleksi plushie dan tidak melibatkan sajian makanan sebenar, namun pengunjung masih boleh menikmati dunia penuh keceriaan dengan pelbagai aktiviti, hiburan, koleksi istimewa, bengkel kreatif serta pengalaman menyeronokkan yang direka untuk menjadikan setiap kunjungan satu pengembaraan yang tidak dapat dilupakan.

### **Pengalaman Plushie Breakfast Hub**

Menjadi tumpuan utama acara ini ialah Kimhwa Atrium yang diubah menjadi pusat sarapan yang meriah, dipenuhi warna-warni, muzik dan pelbagai kejutan menarik. Antara tarikan utama ialah Breakfast Hub Plush Experience, sebuah pengalaman pembelian interaktif di mana pengunjung yang membeli set tiga atau empat plushie Disney Breakfast Besties boleh menyaksikan “cef” yang bertenaga menyediakan dan membungkus pembelian mereka secara langsung di hadapan mereka. Pengalaman Plush Experience ini tersedia sepanjang tempoh acara dari jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari. Pengunjung juga digalakkan untuk turut serta memeriahkan suasana, menjadikan setiap pembelian plushie terasa seperti pesanan sarapan yang dihidupkan dalam dunia sebenar.

Para pengumpul dan peminat Disney juga boleh menerokai Breakfast Market Pop-Up Store, di mana pengunjung berpeluang membawa pulang pengembaraan sarapan mereka sendiri melalui barangan eksklusif Disney Breakfast Besties, plushie serta koleksi istimewa yang diinspirasi daripada hidangan sarapan tempatan kegemaran ramai.

### **Sudut Foto, Zon Permainan dan *Passport Journey***

Menambahkan lagi keseronokan ialah pelbagai sudut foto dan aktiviti menarik berinspirasi Disney Breakfast Besties yang terdapat di sekitar atrium. Pengunjung boleh bergambar di ruang pameran Mickey Kopi, menerokai dekorasi bertemakan Disney Baked Goods serta mencabar keluarga dan rakan-rakan dalam permainan “Pau Tac Toe”.

Pengunjung juga boleh menyertai Passport Journey, sebuah pengembaraan mini yang menampilkan cabaran berinspirasi Disney Breakfast Besties termasuk “Teh Tarik Toss”, “Find Your Kaya Toast” dan “Make Your Sandwich”. Pengunjung yang berjaya melengkapkan ketiga-tiga cabaran ini akan menerima pelekat koleksi sebagai sebahagian daripada pengalaman tersebut.

### **Persembahan dan Bengkel Hujung Minggu**

Pengunjung juga boleh mendapatkan Breakfast Passport eksklusif menerusi pengembaraan mini interaktif yang menampilkan cabaran bertemakan sarapan Malaysia seperti Teh Tarik “Toss”, “Find” Your Kaya Toast dan “Match” Your Nasi Lemak. Pengunjung yang berjaya melengkapkan ketiga-tiga stesen ini akan menerima pelekat koleksi eksklusif sebagai sebahagian daripada pengalaman tersebut.

### **Persembahan Hujung Minggu dan Tarikan Istimewa**

Keseronokan diteruskan setiap hujung minggu menerusi Persembahan Teh Tarik yang penuh gaya, tenaga dan aksi menghiburkan bagi menyerikan acara bertemakan sarapan ini. Diinspirasi daripada salah satu tradisi sarapan paling ikonik di Malaysia, persembahan ini membawa sentuhan tempatan yang meriah ke suasana di Kimhua Atrium.

Keluarga yang menyertai pengalaman ini juga boleh meluangkan masa di bengkel Art Corner dan Origami Corner, di mana aktiviti kraftangan interaktif menawarkan suasana yang lebih santai dan menyeronokkan. Ahli Genting Rewards yang berbelanja minimum RM100, atau bukan ahli dengan perbelanjaan minimum RM150, menerusi maksimum dua resit di mana-mana outlet resort atau Breakfast Market, layak untuk menyertai pengalaman ini. Dengan panduan mudah, bahan harian akan diubah menjadi hasil kraftangan bertemakan sarapan, sekali gus memberikan sentuhan peribadi kepada pengalaman mereka.

### ***Spend & Redeem***

Program Spend & Redeem menambahkan lagi kemeriahan sepanjang tempoh acara berlangsung. Pengunjung yang berbelanja di sekitar resort sepanjang tempoh acara boleh menebus barangan bertemakan Disney, dengan ganjaran tersedia bagi pembelian minimum RM500 untuk ahli Genting Rewards Card dan RM700 untuk bukan ahli GRC. Setiap penebusan membolehkan pengunjung membawa pulang koleksi istimewa sebagai sebahagian daripada pengalaman bertemakan sarapan ini.

Sama ada bergambar di dekorasi bertemakan sarapan yang menarik, mengumpul koleksi istimewa atau sekadar menikmati suasana perayaan yang meriah, Disney Breakfast Besties menjanjikan pengalaman penuh kegembiraan dan kemesraan buat keluarga, peminat Disney dan penggemar sarapan.

Untuk maklumat lanjut, layari [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

### **Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

#### **Ms. Michelle Wong**

Head – Public Relations & Communication  
Social Commerce and Public Communication  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

#### **Ms Mei Yeap Lee Mui**

Assistant Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9447  
Email: [mei.yeap@rwgenting.com](mailto:mei.yeap@rwgenting.com)

## **Mengenai Genting Malaysia**

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjana tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.